



06 DEC, 2022

1.88 juta pelajar, belia sertai MSN 2022

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

1.88 juta pelajar, belia sertai MSN 2022

Oleh CATHERINE IRENE MILTON

PETALING JAYA – Minggu Sains Negara (MSN) 2022 tahun ini berjaya menarik penyertaan dan penglibatan sebanyak 1.88 juta pelajar dan belia berumur antara tujuh hingga 30 tahun menerusi pelbagai program sains, teknologi dan inovasi (STI) yang dianjurkan.

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam satu kenyataan memaklumkan, penganjuran tersebut yang dilaksanakan pada April sehingga Oktober yang lalu melibatkan 212 program berteraskan pembudayaan STI.

Menurut kementerian itu, program tersebut dilaksanakan secara dalam talian dan juga secara fizikal dengan melibatkan tujuh bidang fokus iaitu Kesihatan Planet, Kimia dan Bioteknologi, Kegunaan Aman Nuklear, Inovasi Sosial, Kejuruteraan, Nanoteknologi dan Angkasa.

Katanya, pemilihan bagi bidang-bidang tersebut berdasarkan kesesuaian sambutan hari-hari berkepentingan berkaitan STI yang jatuh sepanjang tempoh MSN 2022 berlangsung.

"Bertemakan 'Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi, program perdana MOSTI



MINGGU Sains Negara (MSN) 2022 berjaya mendedahkan budaya sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan generasi muda sekaligus menarik minat mereka dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).



ini bertujuan menarik dan memupuk minat generasi muda dan menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai pilihan kerjaya.

"Pada tahun ini, MSN melibatkan program-program interaktif menerusi format

pertandingan, seminar, ceramah, kuiz, pameran maya, bengkel maya, pertandingan membuat video serta banyak lagi," kata kenyataan itu.

Pada tahun 2022, terdapat empat Anugerah Khas baharu telah diperkenalkan iaitu Anugerah Penyertaan

Terbanyak (Individu), Anugerah Penyertaan Negeri Terbanyak, Anugerah Penyertaan Sekolah Terbanyak (Rendah/Menengah) dan Anugerah Penganjur Program STEM Terbanyak Sekolah.

Pelbagai hadiah bagi setiap kategori disediakan untuk menghargai peserta yang berjaya.

Pengiktirafan bagi sumbangan ahli akademik dan juruteknik menerusi Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) 2022 dan Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022.

Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) 2022 telah disandang oleh pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr. Ang Wei Lun.

Manakala, Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022, dirangkul juruteknik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Siti Hajar Bilal.

Pada pelaksanaan MSN 2022 kali ini, pelbagai agensi dan jabatan serta rakan strategik bekerjasama dalam mencapai objektif memperkayakan STI dalam kalangan masyarakat, terutama generasi muda.

MOSTI berharap pelaksanaan program sebegini dapat memupuk serta meningkatkan minat para pelajar dan belia untuk terus memperkasakan STI dalam kehidupan seharian.



06 DEC, 2022

1.88 juta pelajar, belia sertai MSN 2022

Kosmo, Malaysia

KEMENTERIAN TERANG, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALINC JAYA - Minggu Sains Negara (MSN) 2022 tahun ini berjaya menarik penyertaan dan penglibatan sebanyak 1.88 juta pelajar dan belia berumur antara tujuh hingga 30 tahun menerusi pelbagai program sains, teknologi dan inovasi (STI) yang dianjurkan. Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam satu kenyataan memaklumkan, penganjuran tersebut yang dilaksanakan pada April sehingga Oktober yang lalu melibatkan 212 program berteraskan pembudayaan STI.